

Isu, Kaedah Pengajaran dan Sokongan Pembelajaran Bacaan Al-Quran Awal Kanak-kanak: Satu Tinjauan Sistematik

Issues, Teaching Methods, and Learning Support for Early Childhood Qur'an Reading: A Systematic Review

Mohd Shahidan Ramli*, Mohd Nizam Sahad, Khairil Fikri Mohd Din

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia 11700 Gelugor, Pulau Pinang, Malaysia

*Corresponding author email: mohdshahidanramli@student.usm.my

SEJARAH ARTIKEL

Diterima: 20 Januari 2026

Disemak: 17 Mac 2026

Diterima: 30 Mac 2026

Diterbitkan: 06 April 2026

KEYWORDS

Bacaan al-Quran
Pendidikan Awal
Penguasaan Bacaan
Pembelajaran di Rumah
Tinjauan Sistematik

ABSTRAK - Pengajaran bacaan al-Quran pada peringkat awal kanak-kanak merupakan asas penting dalam pembentukan literasi agama dan penghayatan nilai Islam sejak usia muda. Walaupun pelbagai kaedah pengajaran telah diperkenalkan dan diaplikasikan secara meluas, isu penguasaan asas bacaan al-Quran dalam kalangan kanak-kanak awal masih dilaporkan sebagai cabaran yang berterusan. Selain itu, kesinambungan pembelajaran bacaan al-Quran di rumah dikenal pasti sebagai faktor penting yang sering diabaikan, sekali gus menjejaskan keberkesanan pembelajaran secara menyeluruh. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan untuk mensintesis dapatan kajian lepas berkaitan amalan, isu dan cabaran pengajaran bacaan al-Quran awal kanak-kanak, dengan tumpuan khusus kepada isu penguasaan asas bacaan dan peranan kesinambungan pembelajaran di rumah. Kajian ini menggunakan pendekatan Systematic Literature Review (SLR) berpandukan protokol PRISMA. Proses pencarian literatur dilaksanakan menggunakan pangkalan data Scopus, Web of Science dan Google Scholar bagi artikel yang diterbitkan antara tahun 2018 hingga 2025. Sebanyak 20 artikel yang memenuhi kriteria kemasukan telah dipilih dan dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik. 3 tema utama dikenalpasti iaitu isu, kaedah pengajaran dan sokongan pembelajaran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penguasaan asas bacaan al-Quran awal kanak-kanak masih lemah, khususnya dari aspek pengenalan huruf hijaiyah, ketepatan makhras dan penguasaan tajwid asas. Selain itu, dapatan turut menunjukkan bahawa penglibatan ibu bapa dan kesinambungan pembelajaran di rumah memainkan peranan penting dalam menyokong penguasaan bacaan kanak-kanak, namun pelaksanaannya masih tidak konsisten. Kesimpulannya, kajian ini menegaskan keperluan kepada pendekatan pengajaran bacaan al-Quran yang lebih holistik dan bersepadu, melibatkan kerjasama antara institusi pendidikan dan keluarga, serta sokongan pedagogi yang sesuai dengan perkembangan kanak-kanak.

ABSTRACT - Teaching Qur'anic reading at the early childhood level constitutes a fundamental basis for developing religious literacy and fostering the appreciation of Islamic values from a young age. Although various instructional methods have been introduced and widely implemented, issues related to the mastery of basic Qur'anic reading skills among young children continue to be reported as persistent challenges.

In addition, the continuity of Qur'anic reading learning at home has been identified as an important factor that is often overlooked, thereby affecting the overall effectiveness of the learning process. Accordingly, this article aims to synthesise findings from previous studies on the practices, issues, and challenges in early childhood Qur'anic reading instruction, with particular emphasis on basic reading mastery and the role of home learning continuity. This study adopts a Systematic Literature Review (SLR) approach guided by the PRISMA protocol. The literature search was conducted using the Scopus, Web of Science, and Google Scholar databases for articles published between 2018 and 2025. A total of 20 articles that met the inclusion criteria were selected and analysed using a thematic analysis approach. Three main themes were identified, namely issued, teaching methods, and learning support. The findings indicate that the mastery of basic Qur'anic reading among young children remains relatively weak, particularly in terms of recognising hijaiyah letters, accurate pronunciation (makhrāj), and the application of basic tajwid rules. Furthermore, the results highlight that parental involvement and the continuity of learning at home play significant roles in supporting children's reading mastery, although their implementation remains inconsistent. In conclusion, this study emphasises the need for a more holistic and integrated approach to early childhood Qur'anic reading instruction, involving collaboration between educational institutions and families, alongside pedagogical support that is appropriate to children's developmental stages.

KEYWORDS: Qur'anic Reading, Early Childhood Education, Reading Mastery, Home Learning, Systematic Review

PENDAHULUAN

Pengajaran bacaan al-Quran kepada kanak-kanak pada peringkat awal merupakan asas penting dalam pembentukan literasi agama dan penghayatan nilai Islam sejak usia muda. Pendedahan awal terhadap bacaan al-Quran bukan sekadar bertujuan memperkenalkan huruf *hijaiyah* dan kemahiran membaca, malah berfungsi membina hubungan awal kanak-kanak dengan al-Quran sebagai sumber panduan dan pembentukan sahsiah. Seiring dengan kepentingan ini, pelbagai kaedah pengajaran bacaan al-Quran seperti *Iqra'*, *Tilawati*, *Ummi* dan *Yanbu'a* telah diaplikasikan secara meluas dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak di pelbagai institusi pendidikan formal dan tidak formal, (Diasworo & Mulyani, 2024).

Namun demikian, dapatan kajian lepas menunjukkan bahawa pengenalan bacaan al-Quran sejak usia awal tidak semestinya menjamin penguasaan asas bacaan yang kukuh dalam kalangan kanak-kanak. Isu penguasaan huruf *hijaiyah*, ketepatan sebutan *makhrāj* serta penguasaan hukum tajwid asas masih dilaporkan sebagai masalah berterusan dalam literatur. Keadaan ini menimbulkan persoalan terhadap keberkesanan amalan pengajaran sedia ada, khususnya dari sudut kesesuaian pendekatan pedagogi dengan tahap perkembangan kognitif dan tumpuan kanak-kanak awal. Walaupun pelbagai kaedah telah diperkenalkan, tahap penguasaan bacaan yang dicapai oleh kanak-kanak didapati tidak konsisten dan berbeza-beza mengikut konteks pelaksanaan pengajaran, (Helmalia et al., 2024; Maulida Hayatina, 2024).

Selain isu penguasaan asas bacaan, kesinambungan pembelajaran bacaan al-Quran di rumah turut dikenal pasti sebagai faktor penting yang mempengaruhi keberkesanan pembelajaran kanak-kanak. Pengajaran formal yang dilaksanakan di institusi pendidikan memerlukan pengukuhan berterusan melalui pengulangan dan bimbingan di rumah. Namun begitu, kajian terdahulu menunjukkan bahawa penglibatan ibu bapa dalam menyokong pembelajaran bacaan al-Quran di rumah masih tidak konsisten. Kekangan masa, tahap literasi al-Quran dalam kalangan ibu bapa serta kebergantungan sepenuhnya kepada institusi pendidikan telah menyebabkan kesinambungan pembelajaran ini kurang diberi perhatian, sekali gus menjejaskan penguasaan bacaan kanak-kanak secara menyeluruh.

Walaupun terdapat banyak kajian empirikal yang membincangkan pengajaran bacaan al-Quran awal kanak-kanak, kebanyakan kajian tersebut dijalankan secara terpisah mengikut kaedah dan konteks tertentu. Kekurangan satu tinjauan sistematik yang mensintesis dapatan kajian lepas berkaitan isu penguasaan asas bacaan dan peranan kesinambungan pembelajaran di rumah mewujudkan jurang

pengetahuan yang ketara dalam literatur. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti isu penguasaan asas bacaan al-Quran awal kanak-kanak berdasarkan dapatan kajian lepas serta meneliti peranan kesinambungan pembelajaran di rumah dalam menyokong penguasaan bacaan al-Quran kanak-kanak melalui pendekatan tinjauan sistematik.

Dapatan kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pembuat dasar dalam merangka dasar pendidikan al-Quran awal kanak-kanak yang lebih berkesan, membantu komuniti dan ibu bapa memahami peranan penting mereka dalam menyokong pembelajaran di rumah, serta menjadi rujukan kepada pengamal dan industri pendidikan dalam membangunkan pendekatan pedagogi yang sesuai. Skop kajian ini merangkumi analisis terhadap 20 artikel terpilih yang membincangkan isu penguasaan bacaan al-Quran awal kanak-kanak dan peranan kesinambungan pembelajaran di rumah dalam pelbagai konteks pendidikan.

SOROTAN LITERATUR

Sorotan literatur ini dibangunkan melalui pendekatan sintesis sistematik terhadap 20 artikel terpilih yang membincangkan pengajaran bacaan al-Quran awal kanak-kanak dalam pelbagai konteks pendidikan. Fokus utama sorotan ini ialah untuk mengenal pasti isu penguasaan asas bacaan al-Quran serta meneliti peranan kesinambungan pembelajaran di rumah, selaras dengan objektif kajian. Berbeza daripada sorotan deskriptif tradisional, penulisan ini menekankan analisis bersepadu bagi mengenal pasti pola dapatan, persamaan dan perbezaan hasil kajian, serta perdebatan utama dalam literatur berkaitan pengajaran bacaan al-Quran pada peringkat awal kanak-kanak.

Secara umum, literatur menunjukkan bahawa pengajaran bacaan al-Quran awal kanak-kanak telah berkembang melalui pelbagai pendekatan pedagogi seperti kaedah *Iqra'*, *Tilawati*, *Ummi* dan *Yanbu'a*. Walaupun kaedah-kaedah ini digunakan secara meluas dan diterima sebagai asas pengajaran bacaan al-Quran, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penguasaan asas bacaan kanak-kanak masih tidak konsisten dan berbeza-beza mengikut konteks pelaksanaan (Diasworo & Mulyani, 2024; Helmalia et al., 2024; Maulida Hayatina, 2024). Keadaan ini menimbulkan persoalan terhadap keberkesanan sebenar amalan pengajaran sedia ada, khususnya apabila pengenalan awal tidak disertai dengan pengukuhan berterusan.

Isu penguasaan asas bacaan al-Quran merupakan tema dominan yang berulang dalam kebanyakan kajian yang dianalisis. Beberapa kajian melaporkan bahawa kanak-kanak masih menghadapi kesukaran dalam mengenal huruf hijaiyah, terutamanya huruf yang mempunyai bentuk hampir sama, serta kesilapan dalam sebutan *makhraj* (Helmalia et al., 2024; Zahraturreihana et al., 2024). Walaupun terdapat peningkatan selepas intervensi tertentu, seperti penggunaan kaedah *Tilawati* atau *Yanbu'a*, tahap penguasaan awal kanak-kanak didapati tidak seragam dan bergantung kepada faktor sokongan tambahan (Maulana et al., 2023; Sukreni & Kusayang, 2023). Hal ini menunjukkan bahawa penguasaan bacaan al-Quran bukan sekadar isu pendedahan awal, tetapi melibatkan proses pembelajaran yang berperingkat dan berterusan.

Selain itu, aspek ketepatan bacaan dari segi tajwid asas turut dikenal pasti sebagai cabaran utama dalam pengajaran bacaan al-Quran awal kanak-kanak. Kajian oleh Fika Mahrizki et al. (2022) dan Rusmianti & Nugraha (2025) mendapati bahawa walaupun kanak-kanak mampu membaca secara mekanikal, ketepatan hukum tajwid dan *makhraj* masih lemah. Keadaan ini menunjukkan wujud jurang antara kebolehan membaca dan kefahaman bacaan yang betul. Perdebatan dalam literatur turut menekankan sama ada pengajaran awal perlu memberi penekanan kepada kelancaran bacaan terlebih dahulu atau memastikan ketepatan bacaan sejak peringkat awal, memandangkan kedua-dua pendekatan mempunyai implikasi pedagogi yang berbeza.

Dalam usaha menangani isu penguasaan bacaan, faktor pedagogi dan kaedah pengajaran menjadi aspek penting yang dibincangkan dalam literatur. Kajian-kajian menunjukkan bahawa kaedah pengajaran yang berstruktur, berperingkat dan menggunakan unsur irama atau interaksi cenderung meningkatkan minat dan penglibatan kanak-kanak (Irchamni & Kusdiana, 2025; Rohayani & Astriya, 2022). Namun demikian, keberkesanan kaedah tersebut sangat bergantung kepada kompetensi guru, kefahaman pedagogi pendidikan awal serta kebolehan menyesuaikan pengajaran dengan tahap perkembangan kognitif kanak-kanak. Zahraturreihana et al. (2024) menegaskan bahawa pendekatan

yang terlalu menekankan hafalan dan pengulangan mekanikal boleh menyebabkan kanak-kanak cepat hilang tumpuan dan motivasi.

Walaupun pelbagai kaedah diperkenalkan, literatur menunjukkan bahawa tiada satu kaedah yang boleh dianggap paling unggul secara mutlak. Sebaliknya, keberkesanan kaedah pengajaran bacaan al-Quran awal kanak-kanak bergantung kepada kesesuaian konteks, keupayaan guru dan sokongan persekitaran pembelajaran. Hal ini mencerminkan keperluan kepada pendekatan pedagogi yang fleksibel dan berpusatkan kanak-kanak, bukannya penerapan kaedah secara seragam tanpa mengambil kira perbezaan individu dan persekitaran.

Selain faktor pedagogi, peranan kesinambungan pembelajaran di rumah muncul sebagai tema penting yang merentas hampir semua kajian. Banyak kajian menegaskan bahawa penguasaan bacaan al-Quran kanak-kanak tidak dapat dicapai secara optimum sekiranya pembelajaran hanya bergantung kepada pengajaran formal di institusi Pendidikan (Helmalia et al., 2024; Lestari, 2023). Pengulangan bacaan, bimbingan ibu bapa dan persekitaran rumah yang menyokong dikenal pasti sebagai elemen penting dalam memastikan pengukuhan kemahiran bacaan kanak-kanak.

Walau bagaimanapun, literatur turut mendedahkan bahawa tahap penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran bacaan al-Quran di rumah masih tidak konsisten. Mahrizki et al. (2022) dan Aminah et al. (2024) melaporkan bahawa kekangan masa, tahap literasi al-Quran ibu bapa serta kebergantungan kepada institusi pendidikan menjadi faktor utama yang menjejaskan kesinambungan pembelajaran di rumah. Perdebatan dalam literatur berkisar kepada sejauh mana ibu bapa perlu terlibat secara aktif, serta bentuk sokongan yang realistik dan praktikal untuk dilaksanakan dalam konteks kehidupan seharian keluarga moden.

Dalam konteks ini, beberapa kajian mencadangkan penggunaan modul intervensi dan pendekatan sokongan sebagai usaha mengukuhkan kesinambungan pembelajaran bacaan al-Quran. Kajian oleh Aminah et al. (2024) menunjukkan bahawa modul intervensi *Meta-Siqra'* berasaskan strategi metakognitif mampu meningkatkan penguasaan bacaan secara signifikan, khususnya bagi kanak-kanak yang tercicir. Begitu juga, penggunaan aplikasi digital dan bahan sokongan multimedia dilihat sebagai alternatif untuk membantu pengulangan bacaan di rumah (Safinah et al., 2024; Safinah et al. (2023).

Namun demikian, literatur turut mengingatkan bahawa pendekatan digital tidak boleh menggantikan sepenuhnya peranan guru dan ibu bapa. Noorrezam dan Mohd Naser (2021) serta Mohd Amiruddin et al. (2024) mendapati bahawa keberkesanan aplikasi digital bergantung kepada reka bentuk pedagogi yang sesuai dengan usia kanak-kanak serta bimbingan orang dewasa. Oleh itu, pendekatan sokongan dan intervensi perlu dilihat sebagai pelengkap kepada pengajaran tradisional, bukannya pengganti mutlak.

Analisis silang terhadap tema-tema utama menunjukkan bahawa isu penguasaan asas bacaan al-Quran awal kanak-kanak tidak boleh ditangani secara terasing. Kelemahan penguasaan bacaan sering berpunca daripada gabungan faktor pedagogi yang kurang sesuai dan ketiadaan kesinambungan pembelajaran di rumah. Kajian yang melaporkan peningkatan penguasaan bacaan secara konsisten lazimnya melibatkan pengajaran berstruktur yang disokong oleh penglibatan aktif ibu bapa dan penggunaan bahan sokongan yang sesuai. Sebaliknya, kajian yang melaporkan kelemahan berterusan menunjukkan ketiadaan sokongan bersepadu antara institusi pendidikan dan persekitaran rumah.

Secara keseluruhannya, sorotan literatur ini menunjukkan bahawa penguasaan bacaan al-Quran awal kanak-kanak merupakan hasil interaksi kompleks antara amalan pengajaran, faktor pedagogi dan kesinambungan pembelajaran di rumah. Sintesis sistematik terhadap 20 artikel terpilih di dalam Jadual 1 menegaskan keperluan kepada pendekatan holistik dan bersepadu dalam pengajaran bacaan al-Quran awal kanak-kanak, sekali gus menyediakan asas kukuh bagi perbincangan dapatan dan implikasi kajian dalam bahagian seterusnya.

Bil.	Penulis (Author)	Tahun	Fokus Kajian	Dapatan Utama (Findings)
1	Maulida Hayatina & Rahimah	2024	Penerapan kaedah Tilawati dalam penguasaan huruf hijaiyah kanak-kanak PAUD	Kaedah Tilawati meningkatkan penguasaan huruf hijaiyah, keyakinan dan penglibatan murid melalui pendekatan berirama dan pengajaran berstruktur.
2	Rika Helmalia et al.	2024	Pengenalan huruf hijaiyah menggunakan kaedah Tilawati	Murid dapat mengenal huruf hijaiyah dengan baik namun masih lemah dari segi pelafalan; sokongan ibu bapa penting bagi pengukuhan pembelajaran.
3	Fika Mahrizki et al.	2022	Pelaksanaan kaedah Ummi dalam bacaan al-Quran kanak-kanak 4–5 tahun	Kaedah Ummi berkesan meningkatkan ketepatan makhraj dan tajwid; cabaran utama ialah kekurangan pengulangan di rumah dan kompetensi guru.
4	Sukreni & Kusayang	2023	Keberkesanan Tilawati dalam penguasaan huruf hijaiyah	Peningkatan signifikan kemahiran mengenal huruf hijaiyah serta minat murid terhadap pembelajaran al-Quran.
5	Irchamni & Kusdiana	2025	Amalan kaedah Tilawati di tadika Islam	Pendekatan klasikal dan individu Tilawati sesuai untuk pendidikan awal, namun memerlukan guru terlatih dan perancangan rapi.
6	Maulana et al.	2024	Pelaksanaan kaedah Yanbu'a di TPQ	Kaedah Yanbu'a meningkatkan kefasihan bacaan dan pemahaman asas tajwid secara berperingkat.
7	Rohayani & Astriya	2022	Aplikasi kaedah Ummi dalam pembelajaran awal al-Quran	Kaedah Ummi meningkatkan minat dan keselesaan murid melalui bacaan berirama dan bahan berperingkat.
8	Lestari	2023	Kaedah Yanbu'a dalam penguasaan huruf hijaiyah	Keberkesanan dipengaruhi oleh peranan guru dan sokongan ibu bapa dalam pembelajaran di rumah.
9	Rihyan	2024	Kaedah Yanbu'a sebagai pedoman bacaan al-Quran	Peningkatan ketara kebolehan membaca dan mengenal harakat selepas intervensi berperingkat.
10	Rusmianti & Nugraha	2025	Kaedah Ummi di prasekolah tahfiz	Majoriti murid mencapai tahap bacaan baik; sokongan institusi dan ibu bapa menjadi faktor kejayaan.
11	Zahraturraihana et al.	2024	Pelaksanaan kaedah Iqra' di tadika	Kaedah Iqra' berkesan meningkatkan bacaan, namun tumpuan murid dan latihan di rumah masih menjadi cabaran.

bersambung

12	Diasworo & Mulyani	2024	Kaedah Iqra' dalam penguasaan huruf hijaiyah prasekolah	Penguasaan huruf meningkat melalui latihan konsisten dan bimbingan guru.
13	Aminah et al.	2024	Modul Meta-Siqra' dalam kemahiran asas bacaan al-Quran	Modul berasaskan strategi metakognitif meningkatkan penguasaan bacaan secara signifikan.
14	Salmihah & Fariza	2021	Pembelajaran al-Quran untuk kanak-kanak OKU	Kaedah khas diperlukan mengikut jenis OKU; cabaran utama ialah kekurangan guru terlatih dan persekitaran pembelajaran.
15	Asyeera & Mukti	2018	Penghayatan al-Quran dalam pendidikan awal kanak-kanak	Pendidikan al-Quran awal membentuk asas rohani dan sahsiah; pendekatan bermain sangat digalakkan.
16	Noorrezam & Mohd Naser	2021	Aplikasi mudah alih untuk pembelajaran sendiri tajwid	Aplikasi digital berpotensi menyokong tajwid kanak-kanak, namun masih memerlukan penambahbaikan reka bentuk dan kandungan.
17	Safinah et al.	2024	Teknik hafazan al-Quran melalui aplikasi Fun-Q	Teknik hafazan digital meningkatkan minat dan kecekapan hafazan kanak-kanak sekolah rendah.
18	Safinah et al.	2023	Teknik hafazan al-Quran prasekolah melalui aplikasi digital	Pendekatan digital selari dengan perkembangan kognitif kanak-kanak dan lebih berkesan berbanding kaedah konvensional.
19	Mohd Amiruddin et al.	2024	Pembelajaran tarannum al-Quran melalui aplikasi mudah alih	Aplikasi mudah alih memudahkan pembelajaran tarannum secara sendiri dan mengatasi kekurangan guru pakar.
20	Aminah et al.	2024	Modul intervensi kemahiran asas bacaan al-Quran	Modul intervensi berstruktur berjaya mengurangkan keciciran bacaan al-Quran dalam kalangan kanak-kanak.

Jadual 1: Ringkasan Dapatan Kajian Lepas

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan *Systematic Literature Review* (SLR) bagi menghimpunkan, menilai dan mensintesis secara sistematik dapatan kajian lepas yang berkaitan dengan amalan, isu dan cabaran pengajaran bacaan al-Quran awal kanak-kanak. Pendekatan SLR dipilih kerana ia membolehkan proses penyelidikan dilaksanakan secara telus, tersusun dan boleh diulang, sekali gus meningkatkan kebolehpercayaan dapatan kajian (Mensah, 2019). Bagi memastikan ketelitian metodologi dan ketepatan pelaporan, kajian ini berpandukan rangka kerja *Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses* (PRISMA) sebagai protokol utama dalam keseluruhan proses pencarian, pemilihan dan analisis artikel (Razak et al., 2022).

Proses pencarian literatur dilaksanakan secara sistematik menggunakan beberapa pangkalan data utama, iaitu *Scopus*, *Web of Science (WoS)* dan *Google Scholar*. Pemilihan pangkalan data ini adalah berdasarkan liputan luas terhadap jurnal berwasit, kebolehcapaian artikel teks penuh serta kesesuaiannya dengan bidang pendidikan, pendidikan Islam dan pengajian al-Quran. Pencarian turut mengambil kira kajian antarabangsa dan serantau bagi memastikan dapatan yang dianalisis mencerminkan pelbagai konteks pendidikan awal kanak-kanak.

Strategi pencarian menggunakan kombinasi kata kunci utama dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu yang berkaitan dengan fokus kajian. Kata kunci tersebut digabungkan menggunakan operator Boolean seperti AND dan OR bagi memperhalusi hasil carian. Antara contoh rentetan carian yang digunakan ialah (“Quran reading” OR “Qur’anic literacy” OR “bacaan al-Quran”) AND (“early childhood” OR “preschool” OR “awal kanak-kanak”) AND (“teaching” OR “pedagogy” OR “instruction”). Selain itu, teknik *truncation* dan *wildcards* turut digunakan, seperti *educat* untuk merangkumi education, educational dan educator, bagi meluaskan skop pencarian tanpa menjejaskan kerelevanan. Artikel yang diterbitkan antara tahun 2018 hingga 2025 dipilih bagi memastikan kajian yang dianalisis bersifat kontemporari dan relevan dengan perkembangan semasa pendidikan awal kanak-kanak.

Pangkalan Data	Kata Kunci Utama	Rentetan Carian (Search String)	Tempoh Carian
Scopus	Bacaan al-Quran, pendidikan awal kanak-kanak, pengajaran	(“Quran reading” OR “Qur’anic literacy” OR “bacaan al-Quran”) AND (“early childhood” OR preschool OR “awal kanak-kanak”) AND (teaching OR pedagogy OR instruction)	2018–2025
Web of Science (WoS)	Literasi al-Quran, pedagogi, prasekolah	(“Qur’an* reading” OR “Qur’anic education”) AND (“early childhood education” OR preschool*) AND (pedagog* OR teach*)	2018–2025
Google Scholar	Bacaan al-Quran kanak-kanak, penguasaan bacaan, rumah	(“bacaan al-Quran” OR “Quran reading”) AND (“kanak-kanak” OR “awal kanak-kanak” OR preschool) AND (pengajaran OR pembelajaran)	2018–2025
Scopus	Sokongan rumah, ibu bapa, kesinambungan pembelajaran	(“Quran learning” OR “Qur’anic literacy”) AND (home OR parent* OR family) AND (“early childhood”)	2018–2025
Google Scholar	Kesinambungan pembelajaran di rumah	(“pembelajaran di rumah” OR “parental involvement”) AND (“bacaan al-Quran” OR “Qur’anic learning”) AND (“early childhood”)	2018–2025

Jadual 2: Proses Pemilihan Artikel Kajian Sistematik Mengikut PRISMA

Bagi memastikan kesesuaian kajian yang disertakan, kriteria pemilihan artikel ditetapkan dengan jelas (Samsuddin, 2021). Kriteria kemasukan melibatkan artikel yang membincangkan pengajaran bacaan al-Quran awal kanak-kanak, isu penguasaan asas bacaan atau peranan kesinambungan pembelajaran di rumah. Hanya artikel yang diterbitkan dalam jurnal berwasit, tersedia dalam bentuk teks penuh, serta ditulis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris disertakan dalam kajian ini. Sebaliknya, artikel yang tidak relevan dengan objektif kajian, berbentuk editorial, prosiding tanpa semakan rakan sebaya atau kajian yang tidak memfokuskan peringkat awal kanak-kanak dikecualikan daripada analisis.

Proses pemilihan artikel dilaksanakan mengikut garis panduan PRISMA yang melibatkan empat peringkat utama, iaitu pengenalpastian, penapisan, kelayakan dan penyertaan akhir. Pada peringkat pengenalpastian, artikel dikenal pasti melalui pencarian pangkalan data yang ditetapkan. Artikel yang bertindih atau duplikasi dikeluarkan terlebih dahulu. Seterusnya, penapisan dilakukan berdasarkan tajuk dan abstrak bagi menilai kerelevanan awal. Artikel yang melepasi peringkat ini dinilai melalui

bacaan teks penuh untuk memastikan pematuhan kepada kriteria kemasukan. Hasil akhir proses ini ialah sebanyak 20 artikel yang dipilih untuk dianalisis secara sistematik. Keseluruhan proses pemilihan artikel diringkaskan melalui rajah alir PRISMA bagi menunjukkan ketelusan dan kejelasan metodologi (Samsuddin, 2021).

Peringkat Pemilihan	Penerangan Proses	Bilangan Artikel (n)
Pengenalpastian (Identification)	Artikel dikenal pasti melalui carian pangkalan data (Scopus, Web of Science, Google Scholar)	312
	Artikel tambahan dikenal pasti melalui rujukan silang dan carian manual	28
	Jumlah artikel dikenal pasti	340
Penyaringan Duplikasi	Artikel duplikasi dikeluarkan	92
	Artikel selepas duplikasi dikeluarkan	248
Penapisan (Screening)	Artikel ditapis berdasarkan tajuk dan abstrak	248
	Artikel dikecualikan kerana tidak relevan dengan topik kajian	187
	Artikel layak untuk penilaian teks penuh	61
Kelayakan (Eligibility)	Artikel teks penuh dinilai untuk kesesuaian dengan objektif kajian	61
	Artikel dikecualikan (tidak memenuhi kriteria kemasukan, konteks tidak sesuai, fokus bukan bacaan awal)	41
Penyertaan Akhir (Included)	Artikel akhir disertakan dalam analisis sistematik	20

Jadual 3: Jadual PRISMA

Analisis data dijalankan menggunakan pendekatan analisis tematik, di mana data daripada artikel terpilih diekstrak dan dikodkan secara sistematik. Artikel-artikel tersebut kemudian dikelaskan mengikut tema utama yang selari dengan objektif kajian. Bagi memastikan kualiti kajian yang dianalisis, setiap artikel dinilai berdasarkan beberapa kriteria penilaian kualiti, termasuk kejelasan tujuan kajian, kerelevanan dengan objektif kajian, kejelasan metodologi, perbincangan dapatan secara kritikal serta pelaporan batasan kajian. Pengurusan rujukan dan penyusunan literatur dilakukan menggunakan perisian *Mendeley*, manakala sokongan semakan bahasa dan penstrukturan ayat dibantu menggunakan alat digital seperti *QuillBot* secara beretika dan terkawal.

Bil.	Penulis (Author)	QA1	QA2	QA3	QA4	QA5	QA6	Jumlah Skor (6)	Peratus (%)
1	Hayatina & Rahimah (2021)	1	1	1	1	0	1	5	83.3
2	Helmalia et al. (2024)	1	1	1	1	1	1	6	100
3	Mahrizki et al. (2022)	1	1	1	0	0	1	4	66.7
4	Sukreni & Kusayang (2023)	1	1	1	0	0	1	4	66.7

5	Irchamni & Kusdiana (2025)	1	1	1	1	0	1	5	83.3
6	Maulana et al. (2024)	1	1	1	1	1	1	6	100
7	Rohayani & Astriya (2022)	1	1	1	0	0	1	4	66.7
8	Lestari (2023)	1	1	1	0	0	1	4	66.7
9	Muttaqin (2024)	1	1	1	1	0	1	5	83.3
10	Rusmianti & Nugraha (2025)	1	1	1	1	1	1	6	100
11	Zahraturraihana et al. (2024)	1	1	1	0	0	1	4	66.7
12	Diasworo & Mulyani (2023)	1	1	1	0	0	1	4	66.7
13	Aminah et al. (2024)	1	1	1	1	1	1	6	100
14	Salmihah et al. (2021)	1	1	1	1	1	1	6	100
15	Bongsu & Baharudin (2018)	1	1	1	0	0	1	4	66.7
16	Noorrezam & Mohd Naser (2021)	1	1	1	1	0	1	5	83.3
17	Safinah et al. (2024)	1	1	1	1	1	1	6	100
18	Safinah et al. (2023)	1	1	1	1	0	1	5	83.3
19	Mohd Amiruddin et al. (2024)	1	1	1	1	0	1	5	83.3
20	Aminah et al. (2024)	1	1	1	1	1	1	6	100

Jadual 4: Penilaian Kualiti Kajian

Bagi meningkatkan kebolehpercayaan dan kesahan dapatan, proses pengelasan tema dan interpretasi data disemak secara berulang. Pendekatan konsensus digunakan dengan membandingkan dapatan antara kajian dan menyelaraskannya dengan objektif kajian bagi memastikan ketepatan sintesis. Melalui kaedah ini, analisis yang dihasilkan diharapkan dapat memberikan gambaran yang menyeluruh, sah dan bermakna terhadap amalan, isu dan cabaran pengajaran bacaan al-Quran awal kanak-kanak.

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini membentangkan dapatan kajian hasil daripada analisis sistematik terhadap 20 artikel yang terpilih, seperti yang diringkaskan dalam Jadual 1 dan dikelaskan mengikut tema dalam Jadual 5. Dapatan disusun berdasarkan pendekatan sintesis tematik dan dibentangkan secara naratif di bawah setiap tema utama bagi menjawab objektif kajian, iaitu mengenal pasti isu penguasaan asas bacaan al-Quran awal kanak-kanak dan meneliti peranan kesinambungan pembelajaran di rumah dalam menyokong penguasaan bacaan al-Quran kanak-kanak.

Tema	Huraian Tema	Kajian Berkaitan (Author, Year)
Tema 1: Isu Penguasaan Asas Bacaan al-Quran Awal Kanak-kanak	Tema ini merangkumi isu kelemahan penguasaan huruf hijaiyah, ketepatan makhraj dan penguasaan tajwid asas dalam kalangan kanak-kanak awal walaupun pendedahan awal telah diberikan.	Hayatina & Rahimah (2021); Helmalia et al. (2024); Diasworo & Mulyani (2023); Zahraturreihana et al. (2024); Mahrizki et al. (2022); Rusmianti & Nugraha (2025); Sukreni & Kusayang (2023)
Tema 2: Kaedah Pengajaran Bacaan al-Quran	Tema ini menumpukan kepada pendekatan pedagogi, kaedah pengajaran (Iqra', Tilawati, Ummi, Yanbu'a), kompetensi guru serta kesesuaian kaedah dengan tahap perkembangan kognitif kanak-kanak.	Irchamni & Kusdiana (2025); Maulana et al. (2024); Rohayani & Astriya (2022); Lestari (2023); Muttaqin (2024); Noorrezam & Mohd Naser (2021)
Tema 3 : Sokongan Pembelajaran di Rumah dan Intervensi dalam Pengajaran Bacaan al-Quran	Tema ini meneliti penglibatan ibu bapa, pengulangan bacaan di rumah dan sokongan persekitaran keluarga dalam menyokong penguasaan bacaan al-Quran kanak-kanak juga merangkumi penggunaan modul intervensi, aplikasi digital, bahan multimedia serta pendekatan sokongan sebagai usaha menangani isu penguasaan bacaan al-Quran awal kanak-kanak.	Helmalia et al. (2024); Lestari (2023); Mahrizki et al. (2022); Aminah et al. (2024); Safinah et al. (2023); Safinah et al. (2024); Aminah et al. (2024); Safinah et al. (2023); Safinah et al. (2024); Noorrezam & Mohd Naser (2021); Mohd Amiruddin et al. (2024); Salmihah et al. (2021); Bongsu & Baharudin (2018)

Jadual 5: Tema dan Kajian Berkaitan

Tema 1: Isu Penguasaan Asas Bacaan al-Quran Awal Kanak-kanak

Analisis terhadap kajian-kajian terpilih menunjukkan bahawa isu penguasaan asas bacaan al-Quran masih berterusan dalam kalangan kanak-kanak awal, walaupun mereka telah didedahkan kepada pembelajaran al-Quran sejak usia prasekolah. Beberapa kajian melaporkan kelemahan kanak-kanak dalam mengenal huruf *hijaiyah*, terutamanya huruf yang mempunyai bentuk hampir sama, serta kesukaran membezakan bunyi sebutan yang memerlukan ketepatan makhraj (Diasworo & Mulyani, 2023; Helmalia et al., 2024). Dapatan ini menunjukkan bahawa penguasaan bacaan asas bukan sekadar isu pendedahan awal, tetapi melibatkan keupayaan kognitif, kaedah pengajaran dan latihan berterusan.

Selain itu, beberapa kajian mendapati bahawa kanak-kanak mampu membaca secara mekanikal tetapi kurang tepat dari segi hukum tajwid asas. Mahrizki et al. (2022) dan Rusmianti & Nugraha (2025) melaporkan bahawa walaupun kanak-kanak menunjukkan peningkatan kelancaran bacaan, kesalahan tajwid dan sebutan *makhraj* masih kerap berlaku. Hal ini menunjukkan jurang antara kelancaran bacaan dan kualiti bacaan yang betul, khususnya pada peringkat awal pembelajaran.

Kajian yang menggunakan kaedah *Tilawati* dan *Yanbu'a* melaporkan peningkatan penguasaan bacaan selepas intervensi tertentu, namun peningkatan tersebut tidak seragam bagi semua kanak-kanak (Maulana et al., 2024; Hayatina & Rahimah, 2024). Sesetengah kanak-kanak menunjukkan kemajuan yang ketara, manakala sebahagian yang lain masih memerlukan bimbingan intensif. Dapatan ini menegaskan bahawa keberkesanan pengajaran bacaan al-Quran awal kanak-kanak dipengaruhi oleh perbezaan individu dan persekitaran pembelajaran.

Tema 2: Kaedah Pengajaran Bacaan al-Quran

Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor pedagogi memainkan peranan penting dalam mempengaruhi penguasaan bacaan al-Quran awal kanak-kanak. Kebanyakan kajian melaporkan penggunaan kaedah pengajaran yang berbeza seperti *Iqra'*, *Tilawati*, *Ummi* dan *Yanbu'a*, dengan tahap keberkesanan yang berbeza-beza. Kaedah yang bersifat berstruktur, berperingkat dan menggunakan pendekatan berirama didapati lebih berkesan dalam meningkatkan minat dan penglibatan kanak-kanak (Irchamni & Kusdiana, 2025; Rohayani & Astriya, 2022).

Namun demikian, dapatan juga menunjukkan bahawa keberkesanan kaedah pengajaran sangat bergantung kepada kompetensi guru. Zahraturreihana et al. (2024) melaporkan bahawa guru yang kurang terlatih atau tidak konsisten dalam pelaksanaan kaedah pengajaran menyebabkan kanak-kanak sukar mencapai penguasaan bacaan yang stabil. Kajian oleh Lestari (2023) dan Muttaqin (2024) turut menegaskan bahawa pengajaran yang terlalu menekankan hafalan tanpa mengambil kira tahap perkembangan kognitif kanak-kanak boleh mengurangkan motivasi dan tumpuan pembelajaran.

Sebahagian kajian menunjukkan perbezaan pandangan mengenai pendekatan terbaik dalam pengajaran bacaan awal. Ada kajian yang menekankan kepentingan kelancaran bacaan terlebih dahulu sebelum memperkenalkan tajwid secara mendalam, manakala kajian lain mencadangkan penekanan kepada ketepatan bacaan sejak peringkat awal bagi mengelakkan pembentukan tabiat bacaan yang salah (Mahrizki et al., 2022; Rusmianti & Nugraha, 2025). Perbezaan ini menunjukkan wujud perdebatan dalam literatur mengenai keseimbangan antara kelancaran dan ketepatan bacaan.

Tema 3: Sokongan Pembelajaran di Rumah dan Intervensi dalam Pengajaran Bacaan Al-Quran

Dapatan kajian secara konsisten menunjukkan bahawa kesinambungan pembelajaran di rumah merupakan faktor penting dalam menyokong penguasaan bacaan al-Quran awal kanak-kanak. Hampir semua kajian yang dianalisis menyatakan bahawa kanak-kanak yang menerima sokongan bacaan di rumah menunjukkan kemajuan yang lebih konsisten berbanding kanak-kanak yang hanya bergantung kepada pengajaran di institusi pendidikan (Helmalia et al., 2024; Lestari, 2023).

Walau bagaimanapun, dapatan juga menunjukkan bahawa tahap penglibatan ibu bapa masih tidak konsisten. Mahrizki et al. (2022) dan Aminah et al. (2024) melaporkan bahawa kekangan masa, tahap literasi al-Quran ibu bapa dan tanggapan bahawa pengajaran bacaan al-Quran adalah tanggungjawab sekolah sepenuhnya menjadi antara faktor utama yang menjejaskan kesinambungan pembelajaran di rumah. Dapatan ini menunjukkan wujud jurang antara kepentingan yang diakui terhadap peranan ibu bapa dan amalan sebenar dalam kehidupan seharian.

Beberapa kajian mencadangkan bahawa sokongan ibu bapa tidak semestinya berbentuk pengajaran formal, sebaliknya boleh melibatkan pengulangan bacaan ringkas, pemantauan dan penyediaan persekitaran rumah yang kondusif (Safinah et al., 2024; Safinah et al. 2023). Dapatan ini menunjukkan bahawa kesinambungan pembelajaran di rumah boleh dilaksanakan secara fleksibel, bergantung kepada keupayaan dan konteks keluarga.

Selain itu, dapatan berkaitan penggunaan pendekatan sokongan dan intervensi bagi mengatasi isu penguasaan bacaan al-Quran awal kanak-kanak. Beberapa kajian melaporkan keberkesanan modul intervensi berstruktur dalam meningkatkan penguasaan bacaan. Kajian oleh Aminah et al. (2024) menunjukkan bahawa modul *Meta-Siqra'* yang berasaskan strategi metakognitif membantu kanak-kanak meningkatkan kesedaran sendiri terhadap proses pembelajaran bacaan, sekali gus memperbaiki penguasaan bacaan asas.

Selain itu, penggunaan aplikasi digital dan bahan multimedia turut dikenal pasti sebagai pendekatan sokongan yang semakin berkembang. Safinah et al. (2024) dan Safinah et al. (2023) melaporkan bahawa aplikasi digital membantu menjadikan pembelajaran bacaan dan hafazan al-Quran lebih menarik dan fleksibel, khususnya untuk digunakan di rumah. Namun, Noorrezam & Mohd Naser Yusop (2021) mendapati bahawa tidak semua aplikasi sesuai untuk kanak-kanak awal, terutamanya dari segi reka bentuk pedagogi dan tahap kognitif pengguna.

Kajian oleh Mohd Amiruddin et al. (2024) menunjukkan bahawa aplikasi mudah alih berpotensi membantu pembelajaran sendiri, tetapi keberkesanannya masih bergantung kepada bimbingan guru dan ibu bapa. Dapatan ini menegaskan bahawa pendekatan sokongan dan intervensi perlu dilihat sebagai pelengkap kepada pengajaran tradisional, bukan sebagai pengganti sepenuhnya. Isu penguasaan asas bacaan al-Quran dipengaruhi oleh interaksi antara faktor pedagogi, kesinambungan pembelajaran di rumah dan sokongan intervensi. Jadual tematik menunjukkan bahawa kebanyakan kajian menyumbang kepada lebih daripada satu tema, menandakan sifat isu yang kompleks dan saling berkait.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa isu penguasaan asas bacaan al-Quran awal kanak-kanak masih berterusan dan tidak boleh ditangani melalui satu pendekatan sahaja. Keberkesanan pengajaran bacaan al-Quran awal kanak-kanak bergantung kepada gabungan kaedah pedagogi yang sesuai, sokongan berterusan di rumah dan penggunaan pendekatan sokongan yang berstruktur. Dapatan ini menyediakan asas empirikal yang kukuh untuk perbincangan lanjut mengenai implikasi dan cadangan penambahbaikan dalam bahagian seterusnya.

PERBINCANGAN

Bahagian perbincangan ini menafsirkan dapatan kajian berdasarkan analisis sistematik terhadap 20 artikel terpilih yang membincangkan pengajaran bacaan al-Quran awal kanak-kanak. Perbincangan ini disusun selari dengan objektif kajian, iaitu mengenal pasti isu penguasaan asas bacaan al-Quran dan meneliti peranan kesinambungan pembelajaran di rumah. Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa penguasaan bacaan al-Quran awal kanak-kanak merupakan isu yang kompleks dan dipengaruhi oleh pelbagai faktor yang saling berkait, termasuk pendekatan pedagogi, kompetensi guru dan sokongan persekitaran keluarga.

Dari segi interpretasi dapatan, kajian ini mendapati bahawa isu penguasaan asas bacaan al-Quran masih berterusan walaupun pendedahan awal telah diberikan di peringkat prasekolah dan pendidikan awal. Dapatan ini menunjukkan bahawa pengenalan awal terhadap bacaan al-Quran tidak secara automatik menjamin penguasaan bacaan yang berkualiti. Beberapa kajian melaporkan kelemahan kanak-kanak dalam mengenal huruf hijaiyah, ketepatan makhraj dan penguasaan tajwid asas (Diasworo & Mulyani, 2024; Helmalia et al., 2024; Zahraturreihana et al., 2024). Hal ini mencerminkan bahawa penguasaan bacaan al-Quran memerlukan proses pembelajaran yang berterusan, berperingkat dan disokong oleh pedagogi yang sesuai dengan tahap perkembangan kognitif kanak-kanak.

Interpretasi lanjut terhadap dapatan menunjukkan bahawa penguasaan bacaan yang lemah sering dikaitkan dengan pendekatan pengajaran yang terlalu berorientasikan hafalan atau kelancaran bacaan semata-mata. Kajian oleh Mahrizki et al. (2022) serta Rusmianti dan Nugraha (2025) menunjukkan bahawa kanak-kanak boleh membaca secara lancar, namun masih melakukan kesalahan tajwid dan sebutan. Keadaan ini menunjukkan jurang antara kelancaran dan ketepatan bacaan, sekali gus menimbulkan persoalan tentang keseimbangan fokus pengajaran bacaan al-Quran pada peringkat awal.

Dapatan kajian ini selari dengan kajian-kajian terdahulu yang menekankan kepentingan pedagogi yang berstruktur dan bersesuaian dengan usia kanak-kanak. Kajian oleh Hayatina dan Rahimah (2024), Irchamni dan Kusdiana (2025) serta Maulana et al. (2024) menunjukkan bahawa kaedah pengajaran yang berperingkat, berirama dan interaktif mampu meningkatkan minat serta penglibatan kanak-kanak. Namun demikian, kajian ini juga mengesahkan dapatan terdahulu bahawa tiada satu kaedah yang boleh dianggap paling unggul secara mutlak. Keberkesanan kaedah seperti *Iqra'*, *Tilawati*, *Ummi* atau *Yanbu'a* sangat bergantung kepada konteks pelaksanaan, kompetensi guru dan sokongan pembelajaran di luar bilik darjah.

Perbandingan dengan kajian terdahulu juga menunjukkan bahawa peranan kesinambungan pembelajaran di rumah merupakan faktor kritikal dalam menyokong penguasaan bacaan al-Quran kanak-kanak. Hampir semua kajian melaporkan bahawa kanak-kanak yang menerima sokongan bacaan di rumah menunjukkan kemajuan yang lebih konsisten berbanding mereka yang hanya bergantung kepada pengajaran formal (Helmalia et al., 2024; Lestari, 2023; Aminah et al. 2024).

Dapatan ini mengukuhkan pandangan bahawa pembelajaran bacaan al-Quran awal kanak-kanak merupakan tanggungjawab bersama antara institusi pendidikan dan keluarga. Walau bagaimanapun, kajian ini juga menyokong dapatan terdahulu yang menunjukkan bahawa penglibatan ibu bapa masih tidak konsisten dan sering dipengaruhi oleh faktor luaran seperti kekangan masa dan tahap literasi al-Quran ibu bapa (Mahrizki et al., 2022; Safinah et al., 2023). Perbezaan tahap penglibatan ini mencerminkan cabaran sebenar dalam merealisasikan kesinambungan pembelajaran di rumah, khususnya dalam konteks keluarga moden yang mempunyai komitmen kerja dan tanggungjawab pelbagai.

Dari sudut implikasi teori, dapatan kajian ini menyumbang kepada pengukuhan kefahaman bahawa penguasaan bacaan al-Quran awal kanak-kanak perlu difahami sebagai satu proses holistik yang melibatkan interaksi antara pedagogi, perkembangan kognitif dan persekitaran sosial. Kajian ini menyokong pendekatan ekologi pembelajaran awal, di mana rumah dan institusi pendidikan dilihat sebagai sistem yang saling melengkapi dalam membentuk penguasaan bacaan al-Quran kanak-kanak.

Implikasi terhadap amalan pendidikan menunjukkan keperluan untuk memperkukuh latihan guru dalam pedagogi bacaan al-Quran awal kanak-kanak, khususnya dalam menyesuaikan kaedah pengajaran dengan keupayaan dan tumpuan kanak-kanak. Guru perlu dibekalkan dengan strategi pengajaran yang seimbang antara kelancaran dan ketepatan bacaan, serta kemahiran melibatkan ibu bapa dalam proses pembelajaran. Selain itu, ibu bapa perlu diberi pendedahan tentang peranan mereka dalam menyokong pembelajaran bacaan al-Quran di rumah, bukan sebagai pengganti guru, tetapi sebagai pengukuh pembelajaran secara berterusan.

Dari sudut dasar dan polisi, dapatan kajian ini memberi isyarat kepada pembuat dasar untuk mempertimbangkan pembangunan garis panduan pengajaran bacaan al-Quran awal kanak-kanak yang lebih bersepadu. Dasar pendidikan al-Quran awal kanak-kanak perlu menekankan kerjasama antara institusi pendidikan dan keluarga, serta menyediakan sokongan kepada ibu bapa melalui modul, bahan bantu mengajar dan pendekatan sokongan yang praktikal. Selain itu, penggunaan teknologi dan aplikasi digital yang sesuai dengan usia kanak-kanak boleh dipertimbangkan sebagai pelengkap kepada pengajaran tradisional, seperti yang dicadangkan oleh Safinah et al. (2024) dan Mohd Amiruddin et al. (2024).

Walaupun kajian ini menyediakan sintesis yang komprehensif, terdapat beberapa limitasi yang perlu diakui. Pertama, kajian ini terhad kepada artikel yang diterbitkan dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sekali gus berpotensi mengecualikan kajian relevan dalam bahasa lain. Kedua, kajian ini bergantung kepada kualiti pelaporan kajian sedia ada, di mana sebahagian kajian tidak melaporkan batasan atau perbandingan dengan kajian lain secara jelas. Ketiga, pendekatan SLR ini tidak melibatkan analisis meta-kuantitatif sebaliknya bergantung kepada sintesis naratif yang mungkin terdedah kepada tafsiran subjektif walaupun langkah-langkah kawalan kualiti telah diambil.

Secara keseluruhannya, sintesis dapatan kajian literatur menunjukkan bahawa isu penguasaan bacaan al-Quran awal kanak-kanak tidak boleh ditangani melalui pendekatan tunggal, sebaliknya memerlukan strategi bersepadu yang melibatkan institusi pendidikan, keluarga dan sokongan pedagogi yang sistematik. Berdasarkan analisis kajian-kajian terdahulu, langkah ke hadapan yang perlu dipertimbangkan ialah pembangunan pendekatan pengajaran bacaan al-Quran awal kanak-kanak yang lebih holistik, fleksibel dan responsif terhadap keperluan perkembangan kognitif serta emosi kanak-kanak. Pendekatan pedagogi perlu menyeimbangkan antara kelancaran bacaan dan ketepatan tajwid bagi mengelakkan pembentukan tabiat bacaan yang kurang tepat sejak peringkat awal.

Selain itu, kesinambungan pembelajaran di rumah perlu diperkukuh melalui pendekatan sokongan yang praktikal kepada ibu bapa. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kekangan masa dan tahap literasi al-Quran ibu bapa sering menjadi cabaran utama. Oleh itu, pembangunan modul bimbingan ibu bapa, panduan pembelajaran ringkas serta penggunaan bahan sokongan digital yang bersesuaian dengan tahap kanak-kanak boleh menjadi strategi penting dalam meningkatkan penglibatan keluarga dalam pembelajaran bacaan al-Quran.

Dari perspektif dasar pendidikan, hasil kajian ini mencadangkan keperluan kepada garis panduan nasional atau institusi berkaitan pengajaran bacaan al-Quran awal kanak-kanak yang lebih bersepadu. Dasar tersebut perlu menekankan latihan profesional guru, integrasi pedagogi perkembangan kanak-kanak serta kerjasama strategik antara sekolah, komuniti dan keluarga. Sokongan institusi juga penting dalam memastikan guru mendapat latihan berterusan khusus dalam pedagogi bacaan al-Quran awal kanak-kanak.

Di samping itu, integrasi teknologi digital secara terkawal dan pedagogikal berpotensi menjadi pelengkap kepada pengajaran tradisional. Aplikasi mudah alih, bahan multimedia interaktif dan modul pembelajaran sendiri boleh membantu pengulangan bacaan di rumah, namun penggunaannya perlu disertai bimbingan guru dan ibu bapa bagi memastikan keberkesanan pedagogi serta kesesuaian perkembangan kanak-kanak.

Bagi penyelidikan masa hadapan, kajian empirikal longitudinal disarankan untuk menilai kesan jangka panjang kesinambungan pembelajaran di rumah terhadap penguasaan bacaan al-Quran kanak-kanak. Selain itu, kajian intervensi yang menilai keberkesanan modul sokongan kepada ibu bapa dan guru dalam konteks sebenar pendidikan awal kanak-kanak juga perlu diperluaskan. Penyelidikan interdisiplin yang menggabungkan pendidikan Islam, psikologi perkembangan kanak-kanak dan teknologi pendidikan dilihat berpotensi memperkukuh lagi pendekatan pengajaran bacaan al-Quran awal kanak-kanak pada masa hadapan.

KESIMPULAN

Kajian tinjauan sistematik ini bertujuan untuk mensintesis dapatan kajian lepas berkaitan amalan, isu dan cabaran pengajaran bacaan al-Quran awal kanak-kanak, dengan memberi tumpuan khusus kepada isu penguasaan asas bacaan dan peranan kesinambungan pembelajaran di rumah. Berdasarkan analisis terhadap 20 artikel terpilih, kajian ini mendapati bahawa penguasaan bacaan al-Quran awal kanak-kanak masih merupakan cabaran yang berterusan walaupun pendedahan awal telah diberikan melalui pelbagai kaedah pengajaran. Dapatan ini menunjukkan bahawa pengenalan bacaan al-Quran sejak usia awal sahaja tidak mencukupi tanpa sokongan pedagogi yang sesuai dan pengukuhan berterusan dalam persekitaran pembelajaran yang lebih luas.

Secara keseluruhan, kajian ini menegaskan bahawa isu penguasaan asas bacaan al-Quran melibatkan kelemahan dalam pengenalan huruf hijaiyah, ketepatan makhraj dan penguasaan tajwid asas. Walaupun pelbagai kaedah seperti *Iqra'*, *Tilawati*, *Ummi* dan *Yanbu'a* telah diaplikasikan secara meluas, keberkesanan kaedah tersebut didapati tidak seragam dan bergantung kepada faktor seperti kompetensi guru, kesesuaian pedagogi dengan tahap perkembangan kanak-kanak dan sokongan pembelajaran di rumah. Kajian ini turut menunjukkan bahawa pengajaran yang terlalu berorientasikan kelancaran bacaan tanpa penekanan yang seimbang terhadap ketepatan bacaan boleh menyebabkan pembentukan tabiat bacaan yang kurang tepat pada peringkat awal.

Selain itu, kajian ini mengesahkan peranan penting kesinambungan pembelajaran di rumah dalam menyokong penguasaan bacaan al-Quran kanak-kanak. Dapatan menunjukkan bahawa penglibatan ibu bapa dalam pengulangan bacaan, pemantauan dan penyediaan persekitaran pembelajaran yang kondusif memberi kesan positif terhadap kemajuan bacaan kanak-kanak. Walau bagaimanapun, tahap penglibatan ibu bapa masih tidak konsisten dan sering dipengaruhi oleh kekangan masa, tahap literasi al-Quran dan persepsi terhadap tanggungjawab pendidikan agama. Keadaan ini menuntut pendekatan sokongan yang lebih realistik dan praktikal bagi memperkukuh kesinambungan pembelajaran antara institusi pendidikan dan rumah.

Berdasarkan dapatan kajian ini, beberapa cadangan kajian masa hadapan dapat dikemukakan. Kajian empirikal pada masa hadapan disarankan untuk meneliti secara mendalam hubungan antara pedagogi pengajaran bacaan al-Quran dan penglibatan ibu bapa melalui reka bentuk kajian longitudinal bagi menilai kesan jangka panjang terhadap penguasaan bacaan kanak-kanak. Selain itu, kajian yang memfokuskan pembangunan dan penilaian modul sokongan kepada ibu bapa, khususnya dalam konteks keluarga moden, adalah wajar dipertimbangkan. Penyelidikan masa hadapan juga boleh menilai keberkesanan integrasi teknologi digital secara lebih sistematik sebagai pelengkap kepada pengajaran tradisional, dengan mengambil kira kesesuaian pedagogi dan tahap perkembangan kanak-

kanak. Secara keseluruhannya, kajian lanjutan yang bersifat interdisiplin dan kontekstual diperlukan bagi menyokong pembangunan pengajaran bacaan al-Quran awal kanak-kanak yang lebih holistik, berkesan dan lestari.

RUJUKAN

- Achmad Irchamni, L. K. (2025). Volume 01, Number 01, Juli 2025. *Journal of Creative Responsive Interaction and Supportive Teaching in Early Childhood Learning*, 01(01), 18–29.
- Amiruddin, M., Kamarudin, N., & Hasan, R. (2024). Learning Through Mobile Taranum; The Analysis and The Acceptance. *Journal of Quranic Sciences and Research*, 5(2), 14–26. <https://doi.org/10.30880/jqsr.2024.05.02.02>
- Diasworo, O., & Mulyani, N. (2024). Proceeding of The 1 st International Conference on Integrated-Holistic Early Childhood Education (ICIHECE) Implementation Of The Iqra Method In Developing Hijaiyah Reading Ability In Early Children At Aisiyyah VII Kindergarten Purwokerto. *Proceeding of The 1st International Conference on Integrated-Holistic Early Childhood Education (ICIHECE)*, 189–199. <https://doi.org/10.24090/icihece>
- Farida Rohayani, B. R. I. A. (2022). Application of The Ummi Method for Early Childhood at Education Baiturrahman ' s School Ampenan. *Journal of Islamic Early Childhood Education*, 5(2), 189–198. <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.24014/kjiece.v5i2.19888>
- Fika Mahrizki, Elfiadi, D. D. S. (2022). Penerapan Metode Ummi Dalam Pembelajaran Membaca Al-Qur ' an Pada Anak Usia 4-5 Tahun di TK IT Al-Manar Kec . Bukit Kab . Bener. *Jurnal Raudhah*, 10(2), 96–105. <http://jurnaltarbiyah.uinsu.ac.id/index.php/raudhah>
- Gufron Arif Maulana, Hasyim As'ari, M. Z. A. (2024). Penerapan metode yanbu'a dalam meningkatkan kemampuan membaca al- qur'an pada santri tpq darussalamah 9 lampung timur. *Berkala Ilmiah Pendidikan*, 4(2), 275–286.
- Helmalia, R., Suzanti, L., & Widjayatri, R. D. (2024). Pengenalan Huruf Hijaiyah Melalui Metode Tilawati bagi Anak Usia 5-6 Tahun. *Aulad: Journal on Early Childhood*, 7(1), 199–209. <https://doi.org/10.31004/aulad.v7i1.634>
- Ismail, S., Mustafa, N. M., & Shahrudin, S. A. (2024). Al-Quran Memorization Techniques For Primary School Use in Fun-Q Digital Applications. *International Journal Of Academic Research In Progressive Education And Development*, 13(1), 1899–1918. <https://doi.org/10.6007/IJARPED/v13-i1/20952>
- Lestari, B. (2023). *Penerapan Metode Yanbu'a dalam Meningkatkan Kemampuan Membaca Huruf Hijaiyah pada Anak Usia Dini di TPQ Ath-Thohiriyah Purwokerto*. UIN Prof.K.H. Saifuddin Zuhri Purwokerto Untuk.
- Maulida Hayatina, R. (2024). Penerapan Metode Tilawati dalam Meningkatkan Kemampuan Membaca Huruf hijaiyah pada Kelompok A PAUD Terpadu Yasin Banjarbaru PENDAHULUAN Pendidikan agama terutama membaca huruf hijaiyah merupakan ilmu dasar untuk membaca Al-Qur ` an . ini menjadi salah sat. *Humaira: Jurnal Ilmiah Pendidikan Anak Usia Dini*, 1(1).
- Mensah, J. (2019). Sustainable development: Meaning, history, principles, pillars, and implications for human action: Literature review. *Cogent Social Sciences*, 5(1). <https://doi.org/10.1080/23311886.2019.1653531>
- Muttaqin, R. (2024). Metode Yanbu ' a Sebagai Pedoman Membaca Al - Qur ' an TPQ Roudlotussalam Dukuh Prayungan Desa Getas Kecamatan Wonosalam Kabupaten Demak. *Jurnal Inovasi Pembelajaran Dan Pendidikan Islam [JIPPI]*, 2(1), 31–38. <https://jurnal2.umsu.ac.id/index.php/jippi/index> 31
- Noorrezam Yusop, M. N. M. S. (2021). Learning Tajweed Using A Mobile Application For. *E-Prosiding Seminar Antarabangsa Islam Dan Sains 2021 "Wawasan Kemakmuran Bersama 2030,"* 934–939.
- Razak, T. B., Boström-Einarsson, L., Alisa, C. A. G., Vida, R. T., & Lamont, T. A. C. (2022). Coral reef restoration in Indonesia: A review of policies and projects. *Marine Policy*, 137(March), 104940. <https://doi.org/10.1016/j.marpol.2021.104940>
- Rusmianti, S. A. N. (2025). Application of the ummi method in teaching early childhood to r ead the Qur ' an at Sabiilul Khoirat Qur ' anic Preschool Cilimus. *Jurnal Program Studi Pendidikan Guru Paud STKIP Silwangi Bandung*, 11(2), 83–86.

- Safinah Ismail, Nor Musliza Mustafa, Syarul Azman Shaharuddin, Mardhiah Yahaya, K. S. R. (2023). Teknik Hafazan Al-Quran Pra Sekolah Menerusi Aplikasi Digital AI-Quran Memorization Techniques for Pre School Use in Digital Applications. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 10(2), 209–224. <https://ejpi.kuis.edu.my/index.php/ejpi>
- Saiful Asyeera Sofea Binti Bongsu, A. M. B. B. (2018). Penghayatan Al-Quran Dalam Pendidikan Awal. *Proceeding of The International Conference On Contemporary Issues In Al-Quran And Hadith 2018 (THIQAH 2018)*.
- Salmihah Che Mud, Fariza Md Sham, M. M. A. (2021). Learning Al-Quran For Children With Disabilities. *Jurnal Hadhari*, 13(1), 135–146. ejournals.ukm.my/jhadhari
- Samsuddin, H. A. M. S. & A. A. S. & S. F. (2021). Guidelines for developing a systematic literature review for studies related to climate change adaptation. *Environmental Science and Pollution Research*, 28, 22265–22277. <https://doi.org/doi.org/10.1007/s11356-021-13178-0>
- Sukreni, I., & Kusayang, T. (2023). Improving the Ability to Recognize Hijaiyah Letters Through Tilawati Method at TK Islam Attaqwa Setu Bekasi. *Amin: Journal International Islamic Education & Knowledge Integration*, 01(02), 60–70. <https://doi.org/10.32939/amin.v1i2.3052>
- Yusoff, Aminah Mat, Mohd Hisyam Abdul Rahim, H. M. S. (2024). HSP Keberkesanan Modul Kemahiran Asas Bacaan Al-Quran The Effectiveness of Basic Quranic Reading Skills Module Based on Metacognitive Strategy on Children in Malaysia. *HUMAN SUSTAINABLE PROCEDIA*, 4(1), 77–88. <https://doi.org/https://doi.org/10.30880/hsp.2024.04.01.008>
- Yusoff, A. M., & Mohd Hisyam Abdul Rahim, Nur Zainatul Nadra Zainol, H. M. S. (2024). Keberkesanan Modul Intervensi Kemahiran Asas Bacaan Al-Quran dalam kalangan Kanak-Kanak di Malaysia (The Effectiveness of Basic Quran Reading Skills Intervention Module among Children in Malaysia). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(7), 1–17. <https://doi.org/https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i7.2875>
- Zahraturrahana, Intan Juwita, Vanesa Yofinda, F. H. N. (2024). Learning To Read The Al-Qur ' An In Early. *Nida Al-Qur'an: Jurnal Pengkajian Islam*, 5(2), 76–85. <https://ejournal.staipi.ac.id/index.php/jpi>